

15/02/1997

Gejala sosial di kalangan belia serius

SELAIN berita mengenai masalah teksi serta masalah kesesakan jalan-jalan raya di ibu kota, media kita akhir-akhir ini memberikan liputan besar kepada ucapan serta kenyataan beberapa menteri termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai masalah sosial yang kian serius di kalangan belia Melayu.

Anwar dilaporkan oleh media sebagai berkata: "Menurut satu kajian mengenai penghuni-penghuni Melayu dan Cina di pangsapuri atau apartmen sekitar Kuala Lumpur, 98 peratus penuntut Cina pulang segera ke rumah sebaik sahaja sekolah bersurai berbanding 50 peratus pelajar Melayu."

Katanya lagi: "Hanya dua peratus pelajar Cina sering mengunjungi kelab malam dan pusat hiburan yang lain sebaliknya lebih ramai pelajar Melayu yang terdedah kepada pengaruh negatif."

Anwar juga disebut sebagai berkata satu kajian yang dijalankan di Lembah Klang mengenai masalah kemerosotan disiplin di kalangan belia tahun lalu menunjukkan bahawa lebih daripada 70 peratus belia berusia 13 hingga 21 tahun menghisap rokok, 40 peratus menonton filem lucah, 28 peratus terbabit dalam perjudian dan 14 peratus menjadi penagih dadah jenis keras.

Pada tahun 1995, kira-kira 36 peratus atau 7,300 orang yang menghidap virus HIV adalah di antara umur 20 dan 29 tahun. Jenayah di kalangan remaja juga meningkat daripada 2,480 kes pada tahun 1970 kepada 4,012 kes pada tahun 1995. Jumlah gadis yang terbabit dalam gejala maksiat meningkat daripada 325 kes pada tahun 1974 kepada 859 pada tahun 1995.

Anwar turut dilaporkan sebagai berkata 65,000 orang di Pulau Pinang disahkan sebagai penagih dadah dengan lebih 65 peratus adalah belia Melayu.

Anwar ialah pengerusi jawatankuasa Kabinet mengenai masalah-masalah sosial. Sementara itu, ketika berucap mengenai masalah sosial di kalangan orang Melayu di Langkawi, Dr Mahathir berkata tidak ada sebab orang Melayu yang beragama Islam boleh terjebak dalam pelbagai masalah sosial jika mereka mengamalkan ajaran Islam yang sebenarnya.

Sehubungan ini, usaha akan ditingkatkan oleh jabatan-jabatan agama untuk menangani masalah sosial di kalangan masyarakat Melayu. Kerajaan, kata Anwar, memandang berat dan tidak akan teragak-agak bertindak membanterasnya.

"Masa hadapan kita bergantung kepada belia kita. Kita harus bertindak segera mencegah kemerosotan akhlak mereka," katanya.

Semua pihak mengakui masalah sosial di kalangan orang Melayu termasuk belia adalah tenat. Jumlah penagih dadah dan penghidap penyakit Aids paling ramai terdiri daripada orang Melayu. Seorang pemimpin dipetik oleh media baru-baru ini sebagai berkata ada 200,000 belia Melayu menjadi penagih dadah yang langsung tidak dapat diselamatkan.

Sementara kita mengakui masalah sosial orang Melayu amat tenat, kita tidak pula sepakat mengenai cara-cara menanganinya secara berkesan. Apakah sebenarnya punca kemerosotan moral di kalangan belia kita? Adakah ia kesalahan ibu bapa semata-mata, adakah ia kerana guru mengabaikan tanggungjawab mereka mengasuh anak-anak kita dengan betul di sekolah, adakah kerana sekitaran yang negatif dan gaya hidup kebendaan? Adakah kerana undang-undang mengenai kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh belia sama ada kesalahan sebagai penagih dadah, kesalahan mencuri, merosakkan harta benda kerajaan dan sebagainya terlalu ringan?

Anwar membuat kenyataan yang agak menarik di Pulau Pinang kelmarin.

Katanya, sesetengah ibu bapa terlalu sangat melindungi anak-anak mereka hingga sanggup melakukan tindakan tidak bertanggungjawab. Anwar menyebut contoh di Pulau Pinang di mana ibu bapa melontar najis ke atas anggota polis yang sedang menggeledah rumah yang disyaki sarang penagih dadah.

Adalah satu kenyataan bahawa gejala dadah boleh ditangani secara berkesan sekiranya ibu bapa memberikan kerjasama kepada pihak berkuasa bila anak-anak menjadi penagih untuk menerima rawatan. Demikian juga manakala anak-anak mereka terbabit dalam perbuatan jenayah seperti mencuri, merosakkan harta benda kerajaan, terbabit dalam gejala perlumbaan haram, atau menjadi samseng di sekolah. Perbuatan jenayah yang kecil ini sekiranya tidak dicegah di peringkat awal boleh menjadi masalah besar tidak saja kepada ibu bapa itu sendiri tetapi kepada negara.

Guru-guru sekolah memang diharapkan dapat memainkan peranan sebagai pengasuh dan pendidik membentuk akhlak murid tetapi untuk memenuhi tanggungjawab ini. Guru-guru juga memerlukan sokongan ibu bapa serta pihak berkuasa. Memang berlaku guru-guru yang mendera murid yang tidak kena pada tempatnya tetapi kejadian-kejadian seperti ini tidaklah meluas. Malah ada guru-guru yang menjadi mangsa samseng murid-murid di sekolah. Ada saranan tidak lama dahulu untuk membenarkan murid-murid yang melanggar disiplin di sekolah dihukum sebat .

Disiplin di sekolah harus dikuatkan oleh disiplin di rumah untuk berkesan kepada kanak-kanak. Didikan agama akan menambah keberkesanan itu kepada murid-murid. Masalah kemerosotan moral di kalangan belia harus ditangani daripada pelbagai jurusan. Paling penting ialah kesedaran tiap pihak - ibu bapa, guru-guru di sekolah, pertubuhan-pertubuhan sosial serta masyarakat umumnya.

(END)